



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# PIDATO HARI ULANG TAHUN KEMERDEKAAN: KESAN UCAPAN SUKARNO TERHADAP DASAR LUAR NEGARA INDONESIA, 1962-1966



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## **PIDATO HARI ULANG TAHUN KEMERDEKAAN: KESAN UCAPAN SUKARNO TERHADAP DASAR LUAR NEGARA INDONESIA, 1962-1996**

**NUR AZUREEN BINTI RUSLI**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2022**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**LAMPIRAN B**UPSUIPS-3/BO 32  
Pind. 00 m/s 1/1

Sila tandas (✓)  
 Kartas Projek  
 Sarjana Penyelidikan:  
 Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus  
 Doktor Falsafah


**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada ...8...(hari bulan)...12.....(bulan) 20..21..

**I. Perakuan pelajar:**

Saya, MUHAMMAD RIZWY, MAMNOONI, FPL (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis ENTITAS YANG TERLIBAT DALAM PERANG KERJASAMA SULTAN AZIZAH TEPATNYA BERPADA DIANTARA NEGARA INDONESIA, 1962 - 1966 bertajuk PERANG KERJASAMA SULTAN AZIZAH TEPATNYA BERPADA DIANTARA NEGARA INDONESIA, 1962 - 1966 adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maklud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

**II. Perakuan Penyelia:**

Saya, Dr. Sahul Hamid bin Mohamed Maiddin (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Pidato Hen Uleg Tchutu Kemerdekaan : Kepan Ucepon Sutomo Terhadap Dager Luor Negere Indon-sia, 1962 - 1966 (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh ijazah Sarjana Sastera (Sejarah Asia Tenggara) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

8 Disember 2021

Tarikh

Tandatangan Penyelia



UPSI/PS-3/BO 31  
Filed.: 01 m/s/3/1INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIESBORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title:

*Diketahui dan Ulang Tahnih Kemerdakian : Besar  
Urgen Sektor Terkutip Daper Lur Negera  
Indonesia 1962-1966*

No. Matrik / Matric's No.:

M20171000601

Saya / I :

Nur Azureen Rusli

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertas/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-  
*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertas/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan diberarkan membuat salinan Tesis/Disertas ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-



SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berjurijah keselamatan atau keperluan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rasmi Rasmal 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972.



TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.



TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 28/01/2024



Gantikan: Jika Tesis/Disertas ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkendali dengan menyatakan sekalai sebab dan impoh laperan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah yang Maha Agung kerana dengan izin dan rahmatNya, saya berjaya menyempurnakan dan menyiapkan tesis ini mengikut tempoh yang ditetapkan. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan serta jutaan terima kasih khasnya kepada penyelia saya iaitu Dr. Sahul Hamid bin Mohamed Maiddin kerana menjadi penyelia yang sangat berdedikasi dalam memberi tunjuk ajar dan bantuan dalam proses untuk menyiapkan tesis ini. Kejayaan tesis ini juga adalah hasil doa daripada ayahanda dan bonda tersayang, Encik Rusli bin Nasir dan Puan Maimonah binti Ibrahim serta seluruh ahli keluarga yang sentiasa mendoakan kejayaan, keselamatan dan kesejahteraan saya. Akhir sekali, ucapan terima kasih saya kepada seseorang yang amat bermakna dihati saya iaitu suami tersayang atas doa, sokongan yang tidak terhitung, bantuan dan sentiasa disisi saya. Jutaan terima kasih kepada Jabatan Arkib Negara Malaysia atas segala bantuan, kerjasama dan layanan baik yang diberikan sepanjang proses pencarian bahan-bahan yang saya perlukan. Tidak lupa juga pihak institusi kajian iaituperpustakaan Tunku Bainun, UPSI, perpustakaan Za'ba UM dan perpustakaan UKM untuk segala kemudahan bagi mendapatkan bahan dan maklumat yang diperlukan untuk tesis ini. Akhir kata, semoga Allah memberkati dan memberikan rahmatnya kepada semua yang membantu saya dalam menyiapkan tesis sarjana ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.





## ABSTRAK

Dissertasi ini merupakan kajian terhadap pidato Sukarno semasa hari ulang tahun kemerdekaan Indonesia pada tempoh 1962-1966. Matlamat utama disertasi ini dilakukan bagi mengkaji ideologi pemikiran Sukarno dalam setiap ucapan hari ulang tahun kemerdekaan Indonesia oleh beliau yang menjadi titik tolak dasar luar Indonesia, membincangkan kesan ucapan hari ulang tahun kemerdekaan Indonesia oleh Sukarno kepada dasar luar Indonesia dan menilai perlaksanaan revolusi Indonesia hasil dari pemikiran Sukarno. Metodologi kajian yang digunakan ialah reka bentuk penyelidikan secara kualitatif. Data diperoleh melalui analisis dokumen yang dapat menerangkan proses, langkah dan sebab sesuatu perkara berlaku. Kajian sejarah adalah kajian yang dijalankan untuk menganalisis dokumen seperti surat-menyurat, minit mesyuarat, fail kerajaan, teks dalam majalah dan sebagainya yang diperolehi daripada Arkib Negara Malaysia. Kajian juga dijalankan di perpustakaan universiti awam di Malaysia seperti Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI dan Perpustakaan Za'ba UM. Hasil kajian berjaya membuktikan wujudnya korelasi penting di antara Pidato Sukarno pada hari ulang tahun kemerdekaan dari tahun 1962 hingga 1966 dengan dasar luar negara Republik Indonesia. Secara kesimpulannya, Sukarno merupakan seorang tokoh yang berjaya membuka lembaran sejarah terpenting kepada Indonesia dan juga memberi contoh kepada negara-negara lain. Kajian ini telah menyumbang kepada perbincanganbaharu dalam sejarah Indonesia iaitu ucapan ulang tahun kemerdekaan Indonesia yang disampaikan oleh Sukarno sebagai pemimpin negara yang mampu mempengaruhi dasar luar Indonesia.





## **INDEPENDENCE ANNIVERSARY SPEECH: THE EFFECT OF SUKARNO'S SPEECH ON INDONESIA'S FOREIGN POLICY, 1962-1966**

### **ABSTRACT**

This dissertation is a study of Sukarno's speech during Indonesia's independence anniversary in 1962-1966. The main purpose of this dissertation is to study the ideology of Sukarno's thought in each of his Indonesian independence anniversary speech which was the turning point in Indonesia's foreign policy, discusses the impact of Sukarno's Indonesian independence speech on Indonesian foreign policy and assesses the relevance of the Indonesian revolution as a result of Sukarno's thought. The study methodology used is qualitative research design. Data is obtained through document analysis that describes the process, steps and reasons for something. Historical studies are studies conducted to analyze documents such as correspondence, minutes of meetings, government files, magazine texts and more from the National Archives of Malaysia. Studies are also being conducted at public university libraries in Malaysia such as the Bainun Library, UPSI and the Za'ba UM Library. The results of this study prove that there was an important correlation between the Sukarno Speech on the independence anniversary from 1962 to 1966 with the foreign policy of the Republic of Indonesia. In conclusion, Sukarno is a figure who has successfully opened Indonesia's most important history sheet and has also set an example for other countries. This study has contributed to the recent discussion in Indonesian history of Indonesia's independence anniversary delivered by Sukarno as a leader of a country capable of influencing Indonesia's foreign policy.





## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xii



1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Skop Kajian	4
1.5 Metodologi Kajian	4
1.6 Ulasan Kajian Lepas	7
1.7 Ringkasan Bab	16
1.8 Kesimpulan	19
<b>BAB 2 “TAHUN KEMENANGAN 1962” – TAHUN PEMBANGUNAN KENDIRI</b>	<b>20</b>
2.1 Manipol-USDEK: Agenda Pemerintahan Sukarno	21
2.1.1 Sejarah Manipol-USDEK	21





2.1.2 Pengindoktrinasi Ideologi Manipol Sukarno kepada rakyat Indonesia	24	viii
2.1.3 Manipol-Usdek dan kesannya kepada dasar luar Indonesia	28	
2.1.4 Perkembangan politik ke arah revolusi progresif kerana Manipol-Usdek	43	
2.2 RESOPIM: Sukarno Perkuatkan Kedudukan	47	
2.2.1 Sejarah Resopim	47	
2.2.2 NASAKOM jalan kepada RESOPIM	49	
2.2.3 NASAKOM dan politik dasar luar Sukarno	50	
2.2.4 Kemenangan Indonesia hasil ideologi RESOPIM dan Manipol-USDEK	51	
2.3 Rumusan	57	
<b>BAB 3 “GENTA SUARA REVOLUSI INDONESIA 1963” – TAHUN SUKARNO MEMANTAPKAN KUASA REVOLUSI</b>	<b>60</b>	
3.1 Pembebasan Irian Barat: Revolusi Perjuangan Indonesia	61	
3.2 Deklarasi Ekonomi: Kebijaksanaan Sukarno Mengatasi Kesulitan Ekonomi	74	ptbupsi
3.3 Kemaraan Indonesia: Pelancaran Konfrontasi Indonesia-Malaysia	82	
3.4 Rumusan	89	
<b>BAB 4 “TAHUN VIVERA PERICOLOSO 1964” – KEBERANIAN DAN KEMANDIRIAN MENGHADAPI KRISIS ASAS DEMOKRASI</b>	<b>90</b>	
4.1 Trisakti: Jalan Pembangunan Bangsa	91	
4.2 Demokrasi Terpimpin: Keluar dari Kepompong Barat	102	
4.2.1 Perkembangan politik semasa Demokrasi Terpimpin	104	
4.2.2 Dasar luar semasa era Demokrasi Terpimpin	106	
4.2.2.1 Projek Mercusuar	106	
4.3 Rumusan	114	



**BAB 5 “TAHUN BERDIKARI” - BEBAS DARI IMPERIALISME**

115 ix

5.1	Berdikari: Memperkuatkan Ketahanan Revolusi Indonesia	116
5.2	Revolusi Ogos 1945: Indonesia memperjuangkan kemerdekaan daripada Belanda	131
5.2.2	Perjanjian Linggarjati	134
5.3	Persatuan Bangsa: Kebangkitan Perjuangan Rakyat	142
5.3.1	Berdirinya Persatuan Perjuangan	143
5.3.2	Kesan persatuan kepada dasar luar Indonesia	145
5.3.3	Kemenangan persatuan dalam perjuangan	147
5.4	Rumusan	148

**BAB 6 “JANGAN SESEKALI MENINGGALKAN SEJARAH” - MEMPERTAHANKAN GARIS POLITIK**

150

6.1	Tentera Nasional Indonesia: Alat pertahanan negara	151
6.1.1	Lahirnya Tentera Nasional Indonesia	153
6.1.2	Peranan TNI dalam politik Indonesia	156
6.1.3	Kesan TNI kepada pemerintahan Indonesia	161
6.2	Undang-undang Dasar 1945: Perlaksanaan Ketatanegaraan Indonesia	165
6.2.1	Kesan UUD 1945 kepada politik luar negara dan ekonomi RI	168
6.3	Konfrontasi Politik Indonesia: Keanggotaan Indonesia dalam PBB	173
6.4	Rumusan	178
	<b>BAB 7 KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	179
	<b>RUJUKAN</b>	187





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

x

## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1      Senarai Anggota DPR	26



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Filem berjudul Lewat Jam Malam	34
2.2 Ideologi Manipol oleh Sukarno	46
2.3 Pengertian Usdek oleh Abdul Majid	46
2.4 Perlantikan Kabinet Kerja Sukarno	54
3.1 Perjanjian Perundingan Meja Bulat	72
3.2 Bukti rombongan orang Papua mengunjungi Perdana Menteri Belanda untuk memohon penyerahan Irian Barat	73
5.1 Perjanjian Linggarjati	140
5.2 Suasana perundingan Wakil-wakil Indonesia dan Belanda yang diketuai oleh Diplomat Inggris Lord Killearn sebagai perantara di Jakarta pada 7 Oktober 1946	141
6.1 Pimpinan tinggi TNI	156
6.2 TNI berjuang atas nama pancasila	164





## SENARAI SINGKATAN

ABRI	Angkatan Bersenjata Republik Indonesia
BKR	Badan Keamanan Rakyat
BPUPKI	Badan Penyelidik Usaha-usaha Persiapan Kemerdekaan Indonesia
CONEFO	Conference of The New Emerging Forces
DEKON	Deklarasi Ekonomi
DEPERTAN	Dewan Pertahanan Nasional
DPR	Dewan Perwakilan Rakyat
DPR-GR	Dewan Perwakilan Rakyat Gotong Royong
DWIKORA	Dwi Komando Rakyat
FFAA	Festival Filem Asia Afrika
GBHN	Garis Besar Haluan Negara
GNB	Gerakan Non Blok
G30S	Gerakan 30 September
IOC	International Olympic Committee
HUT	Hari Ulang Tahun
KMB	Konferensi Meja Bundar
KOTI	Komando Tertinggi
MANIPOL	Manifesto Politik
MPRS	Majlis Permusyawaratan Rakyat Sementara
NAM	Non-Aligned Movement
NRKI	Negara Kesatuan Republik Indonesia
NU	Nahdlatul Ulama





PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PKI	Parti Komunis Indonesia
PNI	Parti Nasional Indonesia
PRRI	Pemerintah Revolusioner Republik Indonesia
RESOPIM	Revolusi, Sosialisme Indonesia, dan Pimpinan Nasional
TKR	Tentera Keselamatan Rakyat
TNI	Tentara Nasional Indonesia
UUD	Undang-undang Dasar
UUDS	Undang-undang Dasar Sementara
USDEK	Undang-undang dasar, Sosialisme Indonesia, Demokrasi Terpimpin, Ekonomi Terpimpin dan Kepribadian Indonesia.





## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Latar Belakang

Kajian ini adalah mengenai kesan ucapan hari ulang tahun kemerdekaan oleh Sukarno kepada dasar luar negara Indonesia dalam tempoh lima tahun yang bermula pada 1962 sehingga 1966. Kemerdekaan Indonesia yang bermula pada tahun 1945 dijadikan sebagai perayaan rasmi bagi memperingati tarikh peristiwa bersejarah itu. Salah satu acara dalam perayaan tersebut ialah pengisian ucapan pidato presiden Indonesia iaitu Sukarno.

Ucapan pidato Sukarno dijadikan sebagai asas kajian kerana pidato Sukarno sangat penting sebagai amanat kepada seluruh masyarakat Indonesia dan memberi gambaran awal tentang usaha-usaha yang dijalankan oleh beliau. Pidato yang dikemukakan oleh Sukarno mengandungi amanat yang mendalam untuk memperlihatkan fenomena bangsa pada ketika itu dan menghuraikannya dalam konteks memperjuangkan idealism kepada masyarakat. Kesan ucapan pidato Sukarno dapat dilihat dalam perubahan struktur ketatanegaraan, ekonomi, sosial, politik dan budaya yang bukan sahaja memberi impak kepada dasar dalam tetapi juga kepada dasar luar Indonesia kerana pidato-pidato tersebut dilihat dalam konteks sejarah antarabangsa berikutan peristiwa dan kejadian yang berlaku mengikut kronologi tahun.





Melalui Dekrit Presiden Republik Indonesia, Sukarno mula mengambil alih kuasa penuh pada tahun 1959 yang membolehkan beliau mengeluarkan dekrit contohnya dekrit perubahan Undang-undang Dasar Sementara 1950 kepada Undang-undang Dasar 1945. Oleh itu, Sukarno dapat menempatkan diri beliau sebagai pemimpin tunggal Indonesia yang bebas mengeluarkan idea-idea politik dan ideologi bangsa. Pelbagai konsep dan slogan yang diperkenalkan oleh Sukarno seperti Revolusi, Pancasila, Nasionalisme, Agama dan Komunisme(NASAKOM).<sup>1</sup> Ideologi Sukarno memiliki pengaruh dan impak yang baik secara langsung dan tidak langsung sehingga ideologi-ideologi Sukarno merubah sejarah Indonesia. Peristiwa penting yang berlaku di Indonesia semestinya mempunyai hubungan dengan negara-negara lain seperti Malaysia, Belanda, Amerika Syarikat, serta Persatuan Badan-Badan Bersatu yang mewakili suara seluruh dunia. Keadaan ini menunjukkan setiap tindak-tanduk Indonesia mempunyai daya tarik hingga negara-negara lain memberikan reaksi kepada negara tersebut. Bagi Sukarno, ini adalah situasi positif kepada pemerintahan beliau yang membuatkan namanya terkenal dimata negara lain. Justeru itu, keadaan ini membuktikan setiap ucapan ahli politik yang memegang peranan sebagai pemimpin negara sebenarnya berperanan untuk merungkaikan persoalan-persoalan sosial, malah berupaya membina sosiobudaya dalam sesuatu masyarakat.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Pidato hari ulang tahun kemerdekaan Indonesia yang disampaikan oleh Sukarno merupakan satu peristiwa penting kerana ianya menjadi landasan hala tuju Indonesia

<sup>1</sup> Sahul Hamid Mohamed Maiddin, *Microphone Republic: Propaganda and Indoctrination in Guided Democracy Indonesia*, Thesis of Doctor of Philosophy, Department of Indonesian Study: University of Sydney, 2015, hlm.12.





dan akhirnya diterjemahkan menjadi dasar negara. Kajian ini diperlukan untuk mencari sebab musabab tentang kandungan pidato kemerdekaan yang disampaikan oleh Sukarno sehingga mempengaruhi dasar luar negara Indonesia dari segenap sudut seperti politik, ekonomi dan sosial. Oleh kerana itu, penjelasan ke atas pembentukan kesan dasar luar Indonesia semestinya tidak mengabaikan peranan pemikiran Sukarno melalui ucapannya. Namun, kajian-kajian sebelum ini tidak berupaya menjelaskan hubungan kedua-dua aspek iaitu ucapan Sukarno kepada dasar luar negara. Maka, pelbagai aspek harus dikaji mengenai ucapan Sukarno sempena hari ulang tahun kemerdekaan Indonesia. Perkara yang harus dikemukakan dalam kajian ini ialah ideologi pemikiran Sukarno dalam setiap ucapan hari ulang tahun oleh beliau yang menjadi titik tolak dasar luar Indonesia, ucapan hari ulang tahun oleh Sukarno kepada dasar luar Indonesia dan kesan dasar luar Sukarno kepada Indonesia. Melalui kajian ini, diharapkan dapat mengarap dan mengetengahkan segala isu-isu penting tentang ucapan seorang tokoh terkenal iaitu Sukarno.

### 1.3 Objektif Kajian

Matlamat utama kajian ini dilakukan adalah bagi menjelaskan dan menilai semula ucapan ulang tahun kemerdekaan Indonesia yang dilakukan oleh Sukarno. Bagi mencapai tujuan tersebut, pengkaji akan mengemukakan tiga objektif kajian iaitu:

- i. Mengkaji ideologi pemikiran Sukarno dalam setiap ucapan hari ulang tahun Indonesia oleh beliau yang menjadi titik tolak dasar luar Indonesia
- ii. Membincangkan ucapan hari ulang tahun Indonesia oleh Sukarno kepada dasar luar Indonesia
- iii. Menilai kesan dasar luar Sukarno kepada Indonesia





## 1.4 Skop Kajian

Skop kajian yang dipilih oleh pengkaji adalah pada tahun 1962 hingga 1966. Relevannya pengkaji memilih tempoh tersebut adalah disebabkan kerana pada tahun 1962 merupakan bibit-bibit dasar konfrontasi Malaysia-Indonesia yang bermula hasil kesan ucapan “Tahun Kemenangan” oleh Sukarno. Tahun 1966 menjadi tempoh akhir dalam kajian kerana pada tahun inilah tahun-tahun kritikal sebelum berakhirnya pemerintahan Sukarno sebagai presiden Indonesia. Sepanjang dalam tempoh lima tahun sebelum pemerintahan Sukarno berakhir, yang menariknya ialah Sukarno terus memperkenalkan idealisme untuk digunakan oleh rakyatnya dan salah satunya ialah Genta Suara Revolusi Indonesia yang menekankan kepentingan revolusi Indonesia

yang berkumandang kepada sejagat dalam memperlihatkan Sukarno sebagai penyambung lidah masyarakat yang berperanan mewakili suara rakyat Indonesia. Penglibatan negara lain seperti Malaysia turut dimuatkan dalam kajian ini kerana ia berkait secara tidak langsung dengan perkara yang dikaji seperti dasar konfrontasi Indonesia di Malaysia yang berlaku pada 1963 sehingga 1966. Ucapan HUT kemerdekaan Sukarno dijadikan asas kepada kajian ini.

## 1.5 Metodologi Kajian

Penyelidik menghadapi masalah dalam proses mendapatkan bahan rujukan sekunder memandangkan penulisan mengenai pidato hari ulang tahun Indonesia oleh Sukarno adalah kajian baru dan terbatas. Walau bagaimanapun, penyelidik dapat mengatasinya dengan menggunakan kaedah-kaedah yang berkesan. Tiap-tiap kajian ilmiah yang





dijalankan memerlukan metodologi tertentu untuk mendapatkan maklumat-maklumat penting dan mencari jawapan kepada objektif kajian yang ditimbulkan.

Pada awal proses kajian, penyelidik melakukan pengumpulan data untuk membantu dan memudahkan dalam pengkajian ini. Kaedah pengumpulan data digunakan untuk mengumpulkan maklumat dan data-data yang berkaitan dengan subjek kajian. Sesuai dengan penyelidikan ini yang menjurus kepada kajian historiografi dalam pidato hari ulang tahun kemerdekaan Indonesia oleh Sukarno, maka penyelidik perlu memastikan segala maklumat relevan dan bersesuaian berkaitan dengan penyelidikan dikumpulkan melalui dokumentasi. Kaedah dokumentasi digunakan untuk mencari bahan rujukan dengan cara mengumpul data dengan mengkaji dokumen-dokumen yang berkaitan dengan skop kajian bagi mendapatkan hasil kajian yang dikehendaki. Perolehan data-data yang bersesuaian ialah menggunakan sumber primer yang menjadi sumber rujukan utama yang diperolehi di Arkib Negara Malaysia dan Arkib Negara Indonesia (dalam talian) seperti surat-surat peribadi, fail, rekod kerajaan, laporan tahunan dan gambar yang berkaitan dengan kajian. Manakala sumber sekunder pula diperolehi di Perpustakaan Tuanku Bainun Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Antara bentuk rujukan ataupun bahan yang pengkaji rujuk adalah seperti artikel, JMBRAS, akhbar dan buku bagi melengkapkan kajian.

Proses seterusnya pula ialah analisis data yang diaplikasikan untuk menganalisis data-data penyelidikan secara sistematis dan seterusnya bagi mencapai objektif penyelidikan yang digariskan. Beberapa kaedah digunakan dalam menganalisis data iaitu induktif dan deduktif. Melalui induktif, penyelidik dapat menghuraikan sesuatu





masalah dengan lebih terperinci. Data-data yang bersifat umum akan dihuraikan dan dijelaskan secara khusus bagi mendapatkan kajian yang sahih. Dalam kaedah ini, penyelidik perlu mengetahui isi kandungan keseluruhan jalan cerita dan seterusnya menganalisis bagi membolehkan sebarang kritikan dalaman dan luaran dilakukan. Analisis data ini dilakukan berdasarkan kepada sudut historiografi dalam menganalisis tulisan-tulisan sejarah yang terdapat pidato hari ulang tahun kemerdekaan yang disampaikan oleh Sukarno dari tahun 1962-1966. Bagi deduktif pula ianya cara untuk merumus sesuatu bentuk pemikiran tentang apa yang dikaji. Penyelidik menggunakan kaedah ini untuk menfokuskan dan memperincikan maklumat yang umum agar ia lebih mudah difahami. Penyelidik menggunakan kaedah ini dalam setiap bab untuk dapatan kajian setiap ideologi pidato Sukarno menjadi sebuah analisis.



perpustakaan. Penyelidik menggunakan sumber-sumber daripada bahan-bahan bercetak dan juga bahan-bahan elektronik seperti buku-buku rujukan dan juga sumber-sumber daripada internet. Banyak kajian daripada buku-buku yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan diselidiki oleh penyelidik. Hal ini bagi mendapatkan lebih banyak sumber informasi dan juga maklumat-maklumat tambahan yang boleh dijadikan sebagai bahan input bagi menyempurnakan kajian ini. Bagi tujuan ini, penyelidik telah mendapatkan sumber-sumber rujukan bercetak seperti buku-buku rujukan dan kajian-kajian lepas di beberapa buah perpustakaan yang berkaitan.





## 1.6 Ulasan Kajian Lepas

Penulisan tentang ucapan hari ulang tahun kemerdekaan Indonesia oleh Sukarno merupakan sebuah tajuk baru yang masih belum ada sesiapa yang mengkaji bidang tersebut sama ada di Malaysia mahupun di Indonesia. Walau bagaimapun, pengkaji berusaha mencari bahan rujukan yang berkaitan dengan tajuk tersebut. Bagi penulisan berkenaan ucapan Sukarno, penulisan yang menjadi rujukan pengkaji ialah kajian oleh pelajar doktor falsafah dari University Xiamen iaitu Ardhitya Eduard Yeremia yang bertajuk, *Sukarno and Colonialism: An Analysis of Indonesia's Foreign Policy Discourse, 1955-1961*. Kajian tersebut adalah kajian baru yang diterbitkan pada tahun 2020. Kaedah yang digunakan dalam menyempurnakan kajian tersebut ialah analisis wacana. Perbincangan dalam kajian beliau adalah berkenaan dasar luar negara Indonesia yang bertunjangkankan kolonialisme yang didasari lima ucapan Sukarno dalam pelbagai persidangan antarabangsa dalam tempoh waktu 1955 hingga 1963. Kekuatan dalam kajian ini ialah perbincangan kolonialisme sebagai penanda utama dan solidariti bagi Asia-Afrika semasa persidangan Asia-Afrika di Bandung diperincikan dan kemudian dilanjutkan dengan perbincangan tentang pelaksanaan diplomasi Irian Barat yang melihat hasil undian mengenai Isu Irian Barat dalam Perhimpunan Agung PBB. Secara keseluruhannya, kajian ini lebih membincangkan isu Irian Barat dengan mewujudkan wacana dasar luar yang kemudiannya diterjemahkan ke dalam dasar luar dengan anti-kolonialisme yang kuat. Kajian ini tidak memfokuskan perbincangan ucapan Sukarno secara jelas dalam penulisan tersebut tetapi hanya digunakan untuk melihat penggunaan frasa kolonialisme sebagai perjuangan Indonesia dengan cara memanfaatkan sentimen anti-kolonialisme. Begitu juga dengan sumber, kajian ini





hanya menggunakan sumber sekunder sebagai bahan rujukan beliau tanpa menggunakan sumber primer.

Selain itu, empat tenaga pengajar yang bekerja sebagai pensyarah universiti di Indonesia iaitu David Samuel Latupeirissa, I Ketut Darma, Ketut Artawa dan I Gusti Ayu Gde Sosiowati membuat kajian yang bertajuk *On Political Language Ideology: Critical View of Indonesian President Speech* yang diterbitkan pada tahun 2019. Objektif kajian mereka ialah untuk meneroka bahasa politik presiden pertama Indonesia iaitu Sukarno. Perbincangan menghala kepada ideologi di sebalik bahasa politik Sukarno melalui kaedah analisis wacana. Hasil kajian mendapati tiga ideologi utama Sukarno yang membentuk bangsa Indonesia iaitu kesatuan sebagai nilai terpenting, revolusi sebagai jiwa rakyat Indonesia dan imperialism sebagai musuh utama. Bahasa politik Sukarno menunjukkan beliau mampu mempengaruhi prasangka, pandangan dan cita-cita masyarakat untuk mempercayai ideologi beliau bukan untuk diri sendiri tetapi untuk tujuan kemanusiaan. Walaupun kajian tersebut tidak menyentuh tentang ideologi Sukarno secara terperinci dari segi sejarah, kesan dan sebagainya, kajian tersebut memberikan cerminan kepada ahli politik agar dapat menggunakan bahasa untuk membangunkan dan mempertahankan bangsa mereka.

Bagi penulisan tentang keperibadian subjek utama kajian iaitu Sukarno, pengkaji menggunakan buku yang berjudul *Sukarno: An Autobiography as told to Cindy Adams* yang diterbitkan pada tahun 1965. Cindy Adam merupakan wartawan Amerika Syarikat yang mewancara Sukarno lalu membukukan kisah Sukarno dari sudut pandang pertama. Perbincangan dalam buku tersebut antaranya ialah kehidupan Sukarno semasa muda, ideologi marhaenism, penubuhan Parti Nasional Indonesia, dan lain-lain lagi.





Oleh kerana itu, kekuatan buku ini kerana kandungannya adalah fakta hasil dari Sukarno sendiri. Hasil tulisan tersebut memberikan informasi bukan sahaja kepada pengkaji tetapi kepada masyarakat tentang Sukarno dan menjadi karya paling lengkap mengenai kehidupan, perjuangan Sukarno dan penglibatan politik beliau. Penulisan ini seperti perkenalan secara terus dengan Sukarno yang dapat memberikan gambaran tentang beliau serta ketanggungjawaban kepada Indonesia. Oleh kerana buku tersebut adalah penulisan biografi maka sumber-sumber kontemporer memberikan informasi yang lebih dapat dipercayai jika dibandingkan dengan perkara yang Sukarno ingati. Hal ini kerana sewaktu diwawancara, beliau berumur 60 tahun dan berkemungkinan menyebabkan beliau tidak terlalu ingat fakta tentang peristiwa lampau yang dialami.

Selain itu, tulisan oleh Yadi Kusmayadi yang bertajuk Politik Luar Negeri

Republik Indonesia Pada Masa Konfrontasi Indonesia-Malaysia Tahun 1963-1966 juga

menjadi rujukan untuk pengkaji. Tujuan kajian tersebut adalah untuk menganalisis peristiwa terjadinya dasar luar bebas dan aktif Indonesia dalam tempoh 1963-1966. Kaedah yang digunakan dalam penelitian ini ialah penulis menggunakan kaedah pensejarahan. Politik luar negara Indonesia semasa konfrontasi Indonesia dengan Malaysia pada tahun 1963-1966 menyimpang dari garis dasar luar bebas dan aktif Indonesia apabila konfrontasi berlaku. Terbukti pada waktu itu juga Indonesia menyatakan keluar dari keanggotaan di PBB dan mengakibatkan Indonesia dipulaukan dari negara antarabangsa. Rujukan ini menjelaskan prinsip bebas aktif Indonesia dimanfaatkan untuk merapatkan silaturahim bersama negara-negara komunis seperti Union Soviet Socialist Republics, Korea Utara dan Republik Rakyat China. Oleh itu, tulisan ini memberikan maklumat keadaan politik luar Indonesia sewaktu berlakunya





konfrontasi dengan Malaysia untuk melihat tindakan Sukarno dalam mengawal hal ehwal politik Indonesia.

Bagi melihat tentang dasar luar Indonesia, pengkaji menggunakan tesis yang ditulis oleh Sulfachriadi pada tahun 2015 yang bertajuk “Pelaksanaan Politik Luar Negeri Indonesia Pada Masa Pemerintahan Soekarno (1949-1966)”. Dalam tugas ilmiah tersebut, beliau membahaskan beberapa kandungan penting iaitu latar belakang lahirnya politik luar negara bebas aktif, pelaksanaan politik luar negara Indonesia pada era pemerintahan Sukarno dan kesan pelaksanaan politik luar tersebut terhadap Indonesia dan dunia. Penelitian yang digunakan oleh pengkaji tersebut ialah penelitian sejarah dengan tahap heuristik, kritik, interpretasi dan historiografi. Penelitian ini menggunakan proses pendekatan deskriptif naratif. Hasil penelitian menunjukkan bahawa politik luar negara yang digunakan oleh Indonesia untuk mencapai tujuan nasional ialah sebuah landasan seperti pancasila dan UUD 1945. Politik luar negara Indonesia yang bebas aktif memberikan impak positif kepada Indonesia dari segi hubungan dengan Blok Barat dan Blok Timur serta menjadi pengasas lahirnya Gerakan Non-Blok. Hal ini membantu pengkaji mendapatkan maklumat secara terperinci tentang dasar luar Indonesia sewaktu pemerintahan Sukarno. Pengkaji tidak membicarakan ucapan Sukarno yang menyebabkan wujudnya buah fikiran beliau tentang politik luar negara Indonesia. Kekosongan tersebut digunakan oleh pengkaji untuk mengaitkan kedua-duanya agar dasar tersebut lebih jelas melalui ucapan Sukarno. Sumber primer yang digunakan juga hanyalah surat-surat perjanjian untuk menyokong tesis tersebut.



Bagi penulisan tentang pemikiran Sukarno, terdapat beberapa penulisan yang wajar diambil sebagai rujukan oleh pengkaji. Antaranya ialah Pemikiran Sukarno Tentang Revolusi Indonesia Tahun 1945-1967 yang ditulis oleh Robit Nurul Jamil yang merupakan pelajar dari jurusan Pendidikan sejarah Universiti Jember, Indonesia. Kajian beliau adalah tentang keadaan Indonesia yang dalam keadaan kacau-bilau sewaktu pemerintahan Sukarno dalam tempoh Orde Baru. Keadaan tersebut mengakibatkan Sukarno mengaplisakan pemikiran beliau melakukan revolusi dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. Penelitian ini mengkaji beberapa masalah yang boleh dilihat dalam tujuan kajian beliau yang ingin dicapai yang oleh pengkaji tersebut iaitu mengkaji latar belakang pemikiran Sukarno tentang revolusi Indonesia tahun 1945-1967, mengkaji secara mendalam konsep revolusi Indonesia menurut pemikiran Sukarno tahun 1945-1967 dan mengkaji pengimplementasian revolusi Indonesia dari

hasil pemikiran Sukarno tahun 1945-1967. Oleh itu, untuk menyempurnakan kajian ini, pengkaji menggunakan penelitian sejarah yang merangkumi kaedah heuristik, kritikan, tafsiran dan pensejarahan. Hasil penelitian yang diperolehi melalui kajian tersebut ialah masyarakat menderita kerana keganasan imperialism dan kapitalisme di Indonesia sama ada dalam tempoh colonial Belanda ataupun Jepun. Perubahan situasi tersebut adalah disebabkan oleh pola pemikiran Sukarno yang diperolehi melalui pengaruh pendidikan dan budaya. Salah satu konsep revolusi Sukarno ialah revolusi politik iaitu Pancasila. Sungguhpun kajian ini lengkap dari sudut konsep revolusi dalam pemikiran Sukarno, pengkaji tidak mengaitkan kesan revolusi tersebut kepada dasar luar Indonesia yang perlu dititikberatkan untuk melihat pengimplementasian revolusi tersebut memberi keuntungan kepada Indonesia ataupun sebaliknya.



Selain itu, buku yang berjudul Soekarno, Membangun Dunia Kembali (To Build the World A new) merupakan teks dari pidato Sukarno didepan Majlis Umum Perserikatan Bangsa-bangsa pada 30 September 1960 yang ke-XV. Dalam buku ini, dapatan kajian mendapati wujudnya konsep Pancasila yang dijelaskan terutama berkenaan lima dasar Pancasila. Pandangan Sukarno yang disampaikan melalui pidatonya dapat dikaji melalui isi, tujuan, dan harapan Sukarno iaitu beliau memberikan penekanan kepentingan memelihara perdamaian dunia dan bahkan mengusulkan nilai-nilai Pancasila kepada dunia. Selain itu, dalam pidato tersebut juga beliau menggaungkan perdamaian dunia seperti yang diabadikan dalam pembukaan UUD 1945 untuk membina dunia kembali melalui konsep pancasila yang menggantikan kolonialisme dan imperialisme. Oleh kerana buku ini hanya berisi teks pidato Sukarno, pengkaji sukar menemukan perbincangan lanjut berkenaan kandungan isi terutama hal berkaitan pancasila dan pengkaji juga tidak dapat melihat reaksi daripada PBB dan negara-negara lain apabila Sukarno mengusulkan idea Pancasila kepada umum. Hal ini membuatkan pengkaji perlu mencari rujukan tambahan untuk memahami teks pidato Sukarno dalam buku ini.

Seterusnya, pengkaji menggunakan buku yang berjudul Pancasila dan Undang-undang Dasar 1945 karya Prof. Drs. C.S.T. Kansil, S.H. dan Christine S.T. Kansil SH. Kedua-dua penulis buku tersebut merupakan seorang pensyarah. Kelebihan buku tersebut ialah apabila huraian tentang landasan dan tujuan pendidikan Pancasila ditonjolkan dengan jelas disekaligus membahas tentang peranan pancasila sebagai ideologi nasional dalam kehidupan masyarakat berbangsa dan bernegara di Indonesia. Buku ini juga menghuraikan pancasila dalam konteks sejarah perjuangan bangsa dan konteks ketatanegaraan Republik Indonesia. Oleh kerana itulah, buku ini menjadi buku





standard Pendidikan Pancasila di Perguruan Tinggi di Indonesia dan menjadi rujukan penting dalam pengenalan sistem pancasila bagi penulisan kajian ini. Walau bagaimanapun, buku tidak mengetengahkan ucapan-ucapan Sukarno yang berkaitan tentang pancasila. Namun, buku ini tetap berupaya memberi gambaran luas tentang gagasan tersebut.

Bagi penulisan tentang konfrontasi, pengkaji menggunakan dua sumber antaranya ialah *Microphone Republic: Propaganda and Introduction in Guided Democracy Indonesia* oleh Dr.Sahul Hamid Mohamed Maiden. Beliau merupakan pensyarah di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kajian beliau memfokuskan tentang propaganda dan perang saraf sebagai medium penting dalam era konfrontasi yang dilakukan semasa Sukarno mula memperkenalkan Demokrasi Terpimpin di Indonesia.

Dapatan kajian memperlihatkan adanya informasi tentang proses, mekanisme, usaha dan kandungan yang digunakan dalam propaganda serta agensi yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan kempen propaganda dan perang saraf. Penulisan Dr. Sahul Hamid Maidin memberi gambaran yang jelas dan lengkap tentang propaganda dan indoktrin sebagai medium penting untuk menjalankan konfrontasi yang berkait rapat dalam ucapan ulang tahun kemerdekaan oleh Sukarno.

Selain itu, pengkaji menggunakan jurnal oleh Andre Bagus Irshanto bertajuk Dari Konfrontasi ke Perdamaian (Hubungan Indonesia-Malaysia 1963-1966). Beliau merupakan mahasiswa dari Universiti Pendidikan Indonesia yang menerbitkan jurnal beliau pada tahun 2019. Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah sejarah yang bermula dari pengumpulan sumber dalam bentuk buku, jurnal, atau tesis berkaitan dengan tajuk yang ke peringkat pensejarahan iaitu menulis semula





sebagai karya sejarah. Kajian tersebut dijalankan oleh pengarang apabila persoalan timbul tentang perdamaian diantara dua buah negara iaitu Indonesia dan Malaysia yang mempunyai konflik sehingga konfrontasi berlaku. Namun, konfrontasi tersebut berakhir dengan segera apabila wujudnya perubahan politik di Indonesia selepas peristiwa G30S dan penyelesaian diantara dua buah negara. Hasil kajian beliau mendapati penyelesaian konfrontasi berlaku apabila Singapura menarik diri untuk bergabung dengan Tanah Melayu. Hal ini berlaku akibat dominasi daripada orang Melayu UMNO dalam struktur kepimpinan tersebut. Selain itu, Peristiwa G30S yang menggulingkan Sukarno dan diganti oleh Suharto memerlukan dana politik daripada Amerika Syarikat. Namun, bantuan dari Amerika Syarikat mempunyai syarat kepada Indonesia agar menghentikan konfrontasi dengan Malaysia. Melalui jurnal ini, pengkaji memperolehi maklumat tentang perdamian untuk penyelesaian konflik di antara Indonesia dan Malaysia. Jurnal ini juga memberikan sejarah konfrontasi tersebut berlaku. Perkara tersebut penting untuk melihat permulaan awal konfrontasi. Namun, pengarang jurnal ini tidak memasukkan penyelesaian konfrontasi yang melibatkan bantuan dari pihak luar seperti Amerika Syarikat dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Selain itu, pengkaji menggunakan jurnal yang bertajuk Analisis Konflik Politik TNI Pada Masa Demokrasi Terpimpin (1959-1966) hasil karya Mulyer Mananda Setyahadi yang diterbitkan pada tahun 2018. Beliau merupakan pensyarah dari Universiti Pamulang, Indonesia. Pernyataan masalah dalam jurnal beliau timbul apabila wujudnya konflik dalaman dan konflik luaran golongan Tentera Nasional Indonesia dan juga persoalan terhadap pengaruh Sukarno yang sangat kuat dalam pimpinan TNI. Bagi menyempurnakan jurnal ini, kaedah penyelidikan yang digunakan ialah kaedah





deskriptif. Dalam jurnal ini, pengarang menggunakan analisis data iaitu kualitatif. Dalam teknik pengumpulan data, penulis menggunakan penyelidikan perpustakaan dari buku yang dapat memberikan maklumat diperlukan dalam penyelidikan. Hasil kajian jurnal ini ialah konflik dalaman dan luaran sememangnya berlaku sepanjang demokrasi terpimpin dalam TNI. Melalui konflik-konflik tersebut mengakibatkan pimpinan TNI tidak dapat menyatukan pendirian mereka. Oleh itu, lebih mudah bagi Presiden Sukarno memegang tampuk dan mengendalikan golongan TNI. Walaupun jurnal ini memberikan maklumat tidak terperinci mengenai TNI, namun jurnal ini tetap mampu membantu pengkaji membuat kajian dalam aspek ketenteraan sepanjang pemerintahan Sukarno yang berfokuskan kepada TNI.

Walaupun kajian-kajian lepas yang dibincangkan di atas juga memiliki kekuatan dan kelemahan, namun kajian-kajian tersebut amat penting dalam membangunkan kajian yang lebih lengkap. Selain itu, dapat dilihat bahawa perbincangan secara sistematis tentang ucapan hari ulang tahun kemerdekaan Indonesia yang disampaikan oleh Sukarno dengan menggunakan analisis teori hubungan antarabangsa masih belum ada. Sehubungan itu, pengkaji berpandangan bahawa mengkaji kesan ucapan hari ulang tahun kemerdekaan Indonesia oleh Sukarno dari sudut pandang hubungan antarabangsa dengan menggunakan pendekatan teori yang lebih tepat dapat menjawab kekurangan dalam kajian-kajian lepas. Justeru, tesis ini diharapkan mampu memberi jawapan ke atas kelemahan beberapa kajian lepas.



## 1.7 Ringkasan Bab

### Bab Satu: Pendahuluan

Bab satu merupakan pengenalan untuk tajuk yang dipilih oleh pengkaji dan pendedahan awal secara umum berkaitan tajuk. Dalam bab satu ini, iaanya mengandungi beberapa perkara yang penting iaitu latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, metodologi kajian, ulasan kajian lepas, pembahagian bab seperti yang dihuraikan di dalam bab satu dan kesimpulan awal.

### Bab Dua: “Tahun Kemenangan 1962” - Tahun Pembangunan Kendiri

Bab dua merupakan bab yang akan membahaskan tentang ucapan Sukarno pada tahun 1962 yang memperlihatkan permulaan kemenangan dalam perjalanan revolusi yang

tidak saja dirasakan oleh rakyat Indonesia tetapi diakui juga oleh dunia luar. Bab ini

bermula dengan perbincangan tentang landasan Manipol-Usdek dan Resopim yang menjadi tali kemenangan revolusi Indonesia. Bab ini memuatkan perkaitan ucapan Sukarno pada 1959 yang mempunyai hubungan sangat rapat dengan ucapan tahun 1962.

Hal ini kerana pada waktu itu kembalinya Indonesia menemukan revolusi yang kemudian disebut dengan “Tahun penemuan kembali revolusi” dan memberi landasan yang teguh kepada bangsa Indonesia seperti Manipol-Usdek sebagai haluan daripada Negara Republik Indonesia. Kemudian pengkaji akan terus memfokuskan ucapan tahun 1962 yang mana bangsa Indonesia mencapai revolusi yang berideologi, revolusi yang berkonsep, revolusi yang berlandasan Manipol-Usdek dengan adanya Resopim yang menjadikan bangsa Indonesia mencapai cita-cita dalam tahun 1962.



## Bab Tiga: “Tahun Genta Suara Revolusi Indonesia 1963” - Tahun Sukarno Memantapkan Kuasa Revolusi

Bab tiga akan memperlihatkan ucapan Genta Suara Revolusi Indonesia tentang bagaimana Sukarno menilai keadaan di Indonesia dan dirinya sendiri. Bab ini akan memuatkan tentang peristiwa pembebasan Irian Barat. Peristiwa ini menunjukkan sebuah semangat revolusi Indonesia untuk berjuang dalam isu wilayah Irian Barat dengan Belanda yang tiada titik pertemuan dalam penyelesaiannya. Selain itu, di dalam tahun ini juga berlakunya Deklarasi Ekonomi sebagai strategi Sukarno dalam mengatasi masalah ekonomi negara. Gasasan ini sangat menarik sehingga ianya diterima dengan gembira oleh segenap lapisan masyarakat di Indonesia. Bab ini juga membincangkan tentang hubungan Indonesia-Malaysia yang menjadi tegang kerana berlakunya konfrontasi di antara kedua buah negara tersebut. Konfrontasi Sukarno

berubah daripada sekadar perang lisan menjadi konfrontasi ketenteraan. Peristiwa bupsi Sukarno melancarkan kempen ‘Ganyang Malaysia’ pada awal 1963 juga akan dibahaskan dalam bab ini.

## Bab Empat: “Tahun *Vivere Pericoloso* 1964” - Keberanian dan Kemandirian Menghadapi Krisis Asas Demokrasi

Bab empat iaitu *Vivere Pericoloso* yang intinya adalah tahun di mana revolusi Indonesia berjalan ke arah lebih baik. *Vivere Pericoloso* adalah sebuah frasa bahasa Itali yang membawa maksud penuh hidup penuh bahaya. Dalam ucapan Sukarno pada 1964 membincangkan tentang demokrasi terpimpin. Demokrasi menjadi usaha pemerintahan Indonesia untuk membawa negara mereka keluar dari belenggu penjajah. Perbincangan dalam bab ini juga akan mengandungi sebuah gagasan Sukarno iaitu



Trisakti yang mempunyai undang-undang revolusi yang disebut oleh Sukarno dalam ucapan beliau pada kali ini sebagai pembuka jalan revolusi.

#### Bab Lima: “Tahun Berdikari 1965” - Bebas dari Imperiaslime

Bab lima menjurus kepada ucapan berdikari Sukarno yang mengetengahkan sebagai “Tahun berdikari”. Tahun 1965 merupakan tahun yang sumber sejarahnya sangat penting bagi kepemimpinan yang ada di Indonesia. Pada tahun ini negara Indonesia sedang bergolak kerana di tahun ini terjadinya peristiwa Gerakan 30 September yang membuatkan suasana kehidupan politik dan sosial menegang. Peristiwa ini turut menyeret Sukarno yang dituduh sebagai dalangnya. Bab ini juga memuatkan tentang Revolusi Ogos yang mempertahankan kemerdekaan Indonesia daripada Belanda.

Dalam peristiwa ini, adanya perjanjian Linggarjati yang menjadi peristiwa bersejarah bagi Indonesia. Perbincangan turut memfokuskan kepada sikap Sukarno pada tahun 1965 ini melalui pidatonya yakni mengajak kembali persatuan dan kesatuan rakyat Indonesia yang pada waktu itu sedang terjadinya kekacauaan politik dan sosial akibat gerakan 30 September 1965. Hal ini demikian, melalui persatuan ianya dapat menyatukan semua rakyat Indonesia bagi melawan penjajahan negara.

#### Bab Enam: “Tahun Jangan Sesekali Meninggalkan Sejarah 1966” - Mempertahankan Garis Politik

Bab enam merupakan bab yang akan membahaskan tentang ucapan terakhir Sukarno pada sambutan kemerdekaan Indonesia pada 17 Ogos 1966 di Istana Merdeka sebagai Presiden Republik Indonesia. Bab ini bermula dengan perbincangan tentang Tentera Nasional Indonesia sebagai alat keselamatan negara. Peranan ketenteraan yang pada



awalnya menjaga keselamatan negara berubah dalam fungsi sosiopolitik negara. Isi keseluruhan ucapan beliau dan dikembangkan menjadi isi-isi penting. Kemudian, bab ini membincangkan tentang Undang-undang dasar 1945. Perubahan UUD 1956 diadakan sebanyak lima kali namun fungsi UUD tetap sama iaitu sebagai suatu undang-undang bagi rakyat dan pemerintah Indonesia dalam kehidupan secara menyeluruh. Perbincangan juga akan dihalakan kepada keahlian Indonesia dalam PBB selepas berlakunya konfrontasi dengan Malaysia. Kembalinya Indonesia menjadi ahli PBB memberikan implikasi yang lebih baik daripada sebelumnya. Hubungan Indonesia dengan PBB serta ahli-ahli PBB juga menjadi lebih baik.

### Bab Tujuh: Penutup

Bab tujuh merupakan bab terakhir dalam kajian ini. Bab tujuh secara ringkasnya akan menyimpulkan keseluruhan isi dan maklumat yang dibincangkan oleh pengkaji dalam bab-bab sebelum ini. Selain itu, bab ini akan menyatakan sam ada pengkaji berjaya mencapai tujuan dan objektif kajian seperti yang dinyatakan didalam kertas cadangan.

### 1.8 Kesimpulan

Kajian ini diharapkan dapat menjawab objektif kajian yang dinyatakan oleh pengkaji. Selain itu, pengkaji mengharapkan dengan adanya kajian ini, ianya dapat menyumbang kepada informasi bahan sejarah Indonesia khususnya tentang Sukarno dan membolehkan pembaca memahami dan mengingati semua peristiwa-peristiwa penting yang berlaku sepanjang pemerintahan beliau.

